

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

YFP 304 - Penerbitan Filem II

Tarikh: 17 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Tempat Duduk: _____

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN A: 30%

Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini.

1. Apakah perbezaan di antara sound camera dan silent camera?

2. Berikan dua sebab kenapa terjadinya ketidak-selarian di antara pergerakan bibir dan suara.

3. Bilakah berlakunya pergerakan perlahan (slow motion) dan pergerakan cepat (fast motion)?

...2/-

Angka Giliran: _____

4. Nyatakan perbezaan di antara F-stop dan T-stop.

5. Berikan perbezaan gambar yang akan anda perolehi jika menggunakan wide angle lens dan telephoto lens.

6. Huraikan apakah dia 'Follow Focus'.

7. Apakah yang dimaksudkan dengan 'cheat shots'?

8. Bilakah seharusnya anda menggunakan 'Hi-hat' untuk membuat sesuatu penggambaran?

...3/-

Angka Giliran: _____

9. Berikan 3 warna utama (primary colours).

10. Apakah gunanya Polarising Filter?

11. Namakan tiga jenis light meter yang biasa digunakan dalam profileman.

12. Apakah gunanya scrims dan barndoors?

13. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Day for Night shooting'?

Angka Giliran: _____

14. Sebelum anda membuat rakaman, anda dikehendaki membuat apa yang dikatakan pengenalan pita (tape identification). Apakah dia tape identification?

15. Berikan tiga jenis microphone, yang selalu digunakan dalam membuat kerja-kerja rakaman.

16. Apakah yang dikatakan 'system noise' dan 'ambient noise'?

17. Bilakah 'wind screen' digunakan dan bagaimanakah ia berfaedah kepada rakaman anda?

Angka Giliran: _____

18. Apakah tugas seorang boom-operator?

19. Apakah dia work print?

20. Nyatakan tiga peringkat kerja-kerja penyuntingan filem.

21. Berikan perbezaan di antara 'Fade in' dan 'Fade out'.

22. Apakah dia 'Head Leader' dan 'Tail Leader'?

Angka Giliran: _____

23. Apakah kegunaan kamera 'hi-speed'?

24. Apakah tugas seorang 'script dan continuity girl'?

25. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan script breakdown?

26. Huraikan apakah 'set up', 'confrontation' dan 'resolution' dalam penulisan skrip.

27. Berikan penjelasan tentang apakah yang dimaksudkan 'plot point' dan bagaimanakah ia boleh membantu perjalanan cerita?

...7/-

Angka Giliran: _____

28. Apakah yang dikatakan 'character treatment'?

29. Berikan 3 fungsi dialog dalam sesebuah cerita.

30. Sebelum anda menulis sebuah skrip lengkap anda dikehendaki menulis sinopsis cerita terlebih dulu. Huraikan dengan ringkas apakah yang dimaksudkan dengan sinopsis?

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN B: 60%

Jawab TIGA soalan dari bahagian ini. Tiap-tiap soalan membawa markah sebanyak 20%. Jawapan anda hendaklah tepat dan merangkumi semua aspek yang diperlukan oleh tiap-tiap soalan itu.

1. Ada pendapat hari ini yang mengatakan bahawa filem-filem Melayu hitam-putih yang dibuat di Singapura dulu lebih bermutu tinggi daripada filem-filem yang dibuat sekarang. Apakah anda bersetuju dengan pendapat ini? Berikan hujah-hujah anda sama ada ada bersetuju atau pun tidak, dengan memberikan faktor-faktor yang konkret.
2. Filem merupakan satu cabang seni yang lebih menarik dan efektif dalam menyampaikan mesejnya jika dibandingkan dengan cabang-cabang seni yang lain. Bincangkan.
3. Tuliskan sejarah filem Melayu dari tahun 1950-an hingga tertutupnya Studio Jalan Ampas di Singapura pada tahun 1969.
4. Filem Citizen Kane telah dianggap sebagai sebuah filem yang bermutu tinggi dan kaya dengan nilai-nilai seni. Ceritakan apakah nilai-nilai seni yang terdapat dalam filem tersebut.
5. Anugerah P. Ramlee telah dipertikaikan begitu hebat sekali, sejak pemberiannya di Malam Panca Delima - Pesta Filem Malaysia ke 6 beberapa bulan dulu. Apakah pendapat anda tentang penganugerahan tersebut? Adakah si penerima, Pengarah Jins Shamsudin layak menerima anugerah berkenaan? Bersetujukah anda kalau dikatakan si penerima mempunyai 'orang dalam' yang membolehkan beliau mendapat anugerah tertinggi itu?
6. Anda hendak membuat sebuah filem dokumentari berkenaan dengan Lebuhraya Utara-Selatan untuk Lembaga Lebuhraya Malaysia. Apakah persediaan yang harus anda buat sebelum memulakan penggambaran? Siapakah yang harus anda temuramah dan apakah aspek-aspek yang harus anda tunjukkan dalam filem berkenaan?

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN C: 10%

Anda dikehendaki menandakan rajah yang dilampirkan, iaitu alat perakam Nagra 4.2. Ejaan yang salah atau jawapan yang tidak tepat tidak akan diberikan markah.

RAJAH A

A. _____

K. _____

B. _____

L. _____

C. _____

M. _____

D. _____

P. _____

E. _____

Q. _____

F. _____

R. _____

G. _____

S. _____

H. _____

T. _____

J. _____

...10/-

